

FUNGSI BORIA

DALAM MASYARAKAT HARI INI



BORIAN | BIL. 5 2017

Tradisi lisan merujuk segala bentuk warisan dan tradisi yang lahir dalam sesuatu kelompok masyarakat. Penyampaian tradisi lisan ini berbentuk perantaraan lisan. Hal ini menjadi satu daripada cara masyarakat untuk menyampaikan sejarah lisan, kesusasteraan, dan pengetahuan lain kepada generasi baharu.

Dari segi umum, tradisi lisan merujuk penyampaian bahan budaya melalui sebutan lisan dan telah lama dikatakan sebagai gambaran cerita rakyat. Tradisi lisan, secara amnya, disebarkan secara mulut ke mulut. Tradisi ini disampaikan dalam kalangan rakyat jelata. Warisan turun-temurun dianggap sebagai sebahagian daripada tradisi kehidupan masyarakat.

Boria merupakan teater tradisi yang amat popular di negeri utara Malaysia, terutama Pulau Pinang. Walaupun dipercayai berasal dari Parsi dan dibawa ke Tanah Melayu oleh askar India selatan, boria telah diubahsuai dan dimajukan oleh orang Melayu di Pulau Pinang. Pada awal abad itu, boria dipersembahkan dengan meluasnya di negeri itu.

Daripada pelbagai sumber yang didapati, pada pertengahan abad ke-19, teater boria melibatkan lagu vokal dan tarian yang dibawa ke Pulau Pinang oleh askar India selatan yang beragama Islam. Pada masa itu, boria dipersembahkan oleh askar itu selama 10 hari pada bulan Muharam untuk mengingati peristiwa Karbala dan meratapi kematian Saidina Hussein.

Boria mempunyai pengisian dua segmen, iaitu bahagian pengenalan yang dimulakan dengan lakonan sketsa yang mempunyai mesej, nasihat



Boria dimelayakan apabila tiba di Pulau Pinang.

dan berunsur humor. Segmen berikutnya berunsur persembahan, merangkum nyanyian, muzik dan tarian. Semua elemen ini digarapkan, menjadikan keseluruhan persembahan mempunyai struktur yang istimewa. Kedua-dua segmen ini saling bergandingan bagi menentukan mutu sesuatu persembahan. Boria pada asalnya dilakukan oleh kaum lelaki sahaja. Watak wanita pada ketika itu dilakukan oleh orang lelaki yang memakai pakaian wanita.

Boria sebagai Sumber Hiburan dan Pendidikan

Secara umumnya, kedudukan boria sebagai tradisi lisan mampu untuk memberikan hiburan dan kemeriahan dalam majlis dan pesta di Pulau Pinang. Kejayaan mementaskan persembahan boria menjadi lambang prestij ketika itu. Boria merupakan persembahan yang dapat memberikan hiburan dan keseronokan kepada rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana

boria kini dianggap sebagai satu daripada persembahan hiburan yang bersifat nasional bagi mengisi kemeriahan program kesenian dan kebudayaan.

Selain itu, persembahan boria mempunyai kedudukan dan keistimewaan yang tersendiri kerana menjadi medium untuk menyatukan masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Semua kaum boleh menyaksikan persembahan boria. Tradisi lisan, seperti persembahan boria, mempunyai sifat sosiobudaya yang serasi dengan keperibadian bangsa. Kedudukan boria penting bagi menurunkan nilai murni dalam sosialisasi masyarakat. Jelaslah bahawa persembahan boria dapat dijadikan sebagai alat hiburan kepada rakyat jelata.

Di samping itu, kedudukan boria sebagai tradisi lisan tidak hanya berfungsi sebagai hiburan, tetapi berupaya untuk menambahkan ilmu pengetahuan, menggalakkan pemikiran secara logik dan kritis, serta memberikan

Arts & literature - Pancing
Pg 18-27
Arts no = 0000275358
ART2017/A05

Boria mempunyai pengisian dua segmen, iaitu bahagian pengenalan yang dimulakan dengan lakonan sketsa yang mempunyai mesej, nasihat dan berunsur humor. Segmen berikutnya berunsur persembahan, merangkum nyanyian, muzik dan tarian. Semua elemen ini digarapkan, menjadikan keseluruhan persembahan mempunyai struktur yang istimewa.

inspirasi untuk bertingkah laku baik dan bertatasusila. Rangkap karangan dalam boria memainkan peranan penting bagi memberikan pengajaran dan pedoman kepada kita. Sebagai contoh, bagi setiap persembahan oleh kumpulan boria, peranan tukang karang mestilah berupaya untuk mencipta lirik persembahan secara spontan, mempunyai kekuatan dan keberkesanan, serta dapat membawa lagu dengan sempurna. Oleh itu, tukang karang menjadi nadi penggerak untuk kumpulan boria.

Kedudukan boria mampu untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan yang berguna kepada masyarakat. Semasa persembahan boria berlangsung, segala ilmu dapat diperoleh oleh

penonton dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan harian. Boria merupakan persembahan berinformasi yang menekankan unsur pendidikan serta moral yang tinggi berikutan isu semasa serta kritikan untuk menyedarkan masyarakat. Setiap rangkap yang disampaikan mempunyai mesej dan unsur pengajaran. Namun begitu, kebanyakan persembahan boria berdasarkan tema mengikut sesuatu acara atau majlis yang dianjurkan, seperti Bulan Citrawarna, Hari Kebangsaan dan sambutan perayaan.

Boria dapat dijadikan sebagai alat untuk mengajar dan mendidik masyarakat. Melalui persembahan, mesej dan unsur pengajaran dan pendidikan moral diselitkan. Hal ini membolehkan penonton mendapat teladan dan pengajaran yang berguna sebagai panduan ke arah kesejahteraan hidup bermasyarakat. Penonton bukan sahaja dapat berhibur, malah mendapat ilmu dan pengajaran yang berguna. Hal ini dikatakan demikian kerana boria mempunyai pengisian dua segmen, iaitu lakonan dan nyanyian. Bahagian

pengenalan boria dimulakan dengan lakonan sketsa yang mempunyai mesej, nasihat dan humor. Segmen berikutnya berunsur persembahan yang merangkum nyanyian, muzik dan tarian. Melalui persembahan boria, masyarakat dapat berhibur dan bergembira.

Jelaslah bahawa setiap rangkap yang disampaikan dalam persembahan boria mampu dijadikan sebagai sumber ilmu kerana mempunyai unsur pengajaran dan nasihat yang berguna. Persembahan boria dapat dilakukan dan diadakan pada peringkat sekolah bagi memupuk nilai murni dan moral dalam diri pelajar. Keunikan dan keistimewaan boria mampu memberikan sumber inspirasi kepada pelajar supaya mempunyai tingkah laku yang baik dan mempunyai akhlak yang terpuji. Hal ini dikatakan demikian kerana cara persembahan boria lain daripada yang lain.

Persembahan boria mempunyai mesej dan pesanan yang berguna, terutama mengenai perpaduan dan keharmonian


bermasyarakat. Apabila masa kian berlalu, tema cerita dalam boria turut berubah. Sekarang walaupun masih mengekalkan cerita berunsur sejarah, tema sesuatu persembahan boria telah mengalami perkembangan dan menjadi paparan isu sosial, pendidikan, perpaduan, kemasyarakatan, isu semasa, dan

sindiran dan kadang-kadang penonton turut sama berinteraksi dengan pelakon bagi memeriahkan suasana. Oleh itu, kedudukan boria sebagai sumber dan alat pendidikan amat sesuai kerana persembahan boria menyampaikan mesej yang berguna kepada penonton.

Untuk menghidupkan dan menyemarakkan tradisi lisan dalam

semangat perpaduan dan toleransi. Sebagai contoh, rangkap karangan yang terkandung dalam boria mengandungi unsur ilmu dan pendidikan. Dalam rangkap karangan yang disampaikan oleh tukang karang, terdapat unsur perpaduan, perkauman, dan budaya dalam masyarakat. Hal ini penting untuk memberikan

Apabila masa kian berlalu, tema cerita dalam boria turut berubah. Sekarang walaupun masih mengekalkan cerita berunsur sejarah, tema sesuatu persembahan boria telah mengalami perkembangan dan menjadi paparan isu sosial, pendidikan, perpaduan, kemasyarakatan, isu semasa, dan sebagainya yang bersifat mesej dan pengajaran.



Persembahan boria memberikan hiburan bermaklumat.

sebagainya yang bersifat mesej dan pengajaran.

Kedudukan boria sebagai alat pendidikan kepada masyarakat memang tidak dapat dinafikan kerana melalui persembahannya, penonton akan memperoleh sumber ilmu dan pendidikan melalui sketsa yang disampaikan oleh pelakon dan tukang karang untuk menjayakan lakonan di hadapan penonton. Di sini orang akan dapat melihat keistimewaan pelakon mematahkan cakap lawan sambil menggeletek hati penonton. Dialog disampaikan dengan penuh

kalangan masyarakat, peranan dan tanggungjawab pihak tertentu amat penting bagi memastikan warisan budaya Melayu, seperti persembahan boria, dikekalkan untuk generasi akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana boria merupakan seni persembahan yang memberikan hiburan dan manfaat kepada masyarakat.

Selain itu, boria dapat dijadikan sebagai alat pendidikan dan pengajaran kepada masyarakat setempat. Melalui boria, masyarakat didedahkan kepada

hiburan yang berinformasi dan berguna kepada masyarakat.

Kedudukan boria amat penting bagi memberikan inspirasi dan hiburan kepada masyarakat. Hal ini dikatakan begitu kerana boria merupakan nostalgia hiburan rakyat. Oleh itu, pihak tertentu, seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Pulau Pinang, perlulah bergiat aktif bagi memastikan boria menjadi hiburan rakyat yang memberikan manfaat kepada masyarakat. Langkah yang sewajarnya perlu diambil



Persembahan boria sebagai alat pendidikan kepada masyarakat memang tidak dapat dinafikan kerana boria merupakan persembahan berinformasi yang menekankan unsur pendidikan serta moral yang tinggi bagi membentuk sahsiah dan kesedaran kepada masyarakat.

agar warisan budaya ini dapat dimajukan dan dikembangkan ke peringkat antarabangsa. Pihak berkenaan perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi menubuhkan unit khas untuk melancarkan program kebudayaan sebagai alat hiburan dan pendidikan kepada masyarakat.

Pihak sekolah juga amat digalakkan untuk memainkan peranan bagi memastikan boria dapat diwarisi kepada

generasi baharu. Pelibatan pelajar sekolah dapat memberikan sumbangan yang besar dalam seni persembahan boria. Pihak sekolah juga boleh mengadakan dan menganjurkan kelab dan persatuan boria. Aktiviti kokurikulum di sekolah dapat menarik dan memupuk minat pelajar untuk menyertai kelab boria. Melalui cara ini, secara tidak langsung boria dapat dikembangkan pada peringkat sekolah dengan pelibatan pelajar.

Peranan tokoh dan penggiat boria pun amat penting bagi memajukan dan mewariskan seni persembahan boria. Dalam persembahan boria, tokoh memainkan peranan penting sebagai nadi penggerak dalam kumpulan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam persembahan boria, peranan dan tanggungjawab tokoh boria diperlukan bagi memastikan kelancaran persembahannya. Tokoh mestilah mempunyai perwatakan yang menarik dan berwibawa bagi menjadikan boria sebagai hiburan rakyat.

Rangkap Karangan

Biasanya seni kata lagu dicipta berasaskan lakonan yang dipentaskan sebelumnya dan susunan seni kata tadi berbentuk syair. Seandainya orang yang mengundang kumpulan boria untuk mengadakan persembahan datangnya daripada golongan berada atau ternama, maka rangkap awal nyanyian selalunya bersifat pujian kepada pengunjung tadi, seperti contoh yang berikut:

Menjunjung Duli Tuanku al-Sultan,

Di hari keputeraan ucapan sambutan,

Diiringi doa tambah keberkatan,

Boria Pulau Pinang dalam ingatan.

Rangkap pertama bagi setiap lagu boria mestilah memperkenalkan kumpulan masing-masing dan rangkap inilah yang akan menjadi korus untuk lagu tersebut. Hal ini sememangnya menjadi amalan kepada semua kumpulan boria dari dahulu sehingga sekarang.

Boria Sungai Pinang

Dunia tak sunyi dengan sengketa,

Terhadap masyarakat kampung dan kota,

Puji dan puja keji dan kata,

Boria Sungai Pinang

membawa cerita.

Boria Anak Tanjung

Salam sejahtera kami ucapkan,

Kepada hadirin yang dimulihkan,

Kehebatan boria kita dengarkan,

Boria Anak Tanjung mohon dengarkan.

Yang berikut ialah contoh keseluruhan rangkap karangan. Lirik ditulis oleh Abdullah Darus.

Wawasan Malaysia tajuk cerita,
Untuk renungan rakyat jelata,
Berilmu berbudi kata dan kota,
Malaysia maju matlamat kita.

Izinkan kami sampaikan madah,

Pesanan PM mutiara indah,
Sebagai saluran penyambung lidah,

Semoga berguna dan berfaedah.

2020 saranan Wawasan,
Cita-cita murni membina insan,
Budaya ilmu amat berkesan,
Kasih dan sayang dengan penuh ihsan.

Langkah pertama yang hendak diolah,

Perlu betulkan fikiran yang salah,

Mampu selesaikan tiap masalah,
Sanggup berunding bukan berbalah.

Wujudnya bangsa yang maju dan matang,

Perpaduan kaum jelas dibentang,

Saling mengerti batas dan pantang,

Segala hasutan dapat ditentang.

Setiap pendukung budaya bangsa,

Budaya korupsi tidak selesa,

Runtuhan moral hina sentiasa,
Kehancuran menyusul membawa binasa.

Pandang ke Timur contoh ibarat,

Pemimpin berseru ambillah berat,

Beratus tahun condong ke Barat,

Ubahlah sikap yang sudah berkarat.

Jangan diamalkan faham perkauman,

Itulah racun itulah kuman,
Sikap begitu ketinggalan zaman,

Berpecah belah hidup tak aman.

Kepada negara sedia berkhidmat,

Bersih amanah saling menghormati,

Kemajuan bangsa jadi matlamat,

Negara berkat terjamin selamat.

Tamatlah sudah kata dan pesan,
Maafkan kami sekian ulasan,

Mudah-mudahan kelak berkesan,

Persembahan boria penyambung lisan.

Sebagai kesimpulannya, kedudukan boria sebagai sumber hiburan dan alat pendidikan kepada masyarakat amat penting. Hal ini dapat dibuktikan apabila boria mampu untuk menyampaikan mesej dan pengajaran yang berguna kepada masyarakat setempat. Boria kini dianggap sebagai persembahan hiburan yang bersifat nasional bagi mengisi kemeriahan program kesenian dan kebudayaan.

Boria sebagai tradisi lisan tidak hanya berfungsi sebagai hiburan, tetapi mampu untuk memberikan pengetahuan yang berguna, di samping memberikan pengajaran dan pedoman kepada masyarakat. Persembahan boria sebagai alat pendidikan kepada masyarakat memang tidak dapat dinafikan kerana boria merupakan persembahan berinformasi yang menekankan unsur pendidikan serta moral yang tinggi bagi membentuk sahsiah dan kesedaran kepada masyarakat.

Oleh itu, persembahan boria perlulah diteruskan serta diperbaiki dari masa ke masa agar dapat dijadikan sebagai satu daripada cabang kebudayaan bangsa, di samping seni budaya daerah lain di Malaysia. Boria memainkan peranan penting sebagai wadah hiburan, selain menjadi media massa yang berkesan dan berguna kepada bangsa dan negara.

Memang sangat merugikan jika boria dibiarkan berkembang tanpa saluran dan perhatian yang sewajarnya oleh semua pihak, sama ada kerajaan ataupun rakyat jelata. Usaha untuk memupuk dan memelihara warisan seni persembahan dan budaya ini tidak seharusnya dipandang enteng. Marilah kita bersama-sama memeliharanya supaya terus subur meredah zaman. Tidak lekang dek panas dan tidak lapuk dek hujan. ^{DB}

MASA DEPAN DUNIA

Makyung

Makyung ialah khazanah seni tradisional Melayu yang menggabungkan unsur tarian, nyanyian, dan lakonan dalam satu persembahan. Apabila memperkatakannya, pastinya kita terbayang akan sekumpulan wanita yang bernyanyi dan menari serta berlakon dengan diiringi alunan lagu mengadap rebab. Namun begitu, tidak banyak orang yang menyedari kewujudan individu lelaki dalam seni persembahan ini, lebih-lebih lagi yang membawa watak utama.

Rosnan Abdul Rahman memang tidak asing lagi dalam dunia kesenian makyung. Beliau, yang berasal dari Pokok Sena, Kedah, terlibat dalam seni persembahan tradisional ini lebih dari 20 tahun. Anak bongsu daripada lima orang adik-beradik ini mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Pokok Sena, kemudian melanjutkan pengajian di Universiti Sains Malaysia (USM). Yang menariknya, beliau, yang mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang sains seni bina ini, mampu untuk mencipta nama dalam dunia seni tradisional sehingga mendapat jolokan *pakyung* lelaki pertama di Malaysia.

Baru-baru ini, penulis ini berpeluang untuk bersembang-sembang bersama-sama Rosnan, yang kini bertugas di Istana Budaya, tentang perjalanannya selama dua dekad dalam dunia kesenian makyung.

Tentang minat untuk menceburi kesenian makyung.

Sebelum melanjutkan pelajaran di USM, saya sudah terlibat dengan persembahan seni tradisional. Dahulu saya penari kumpulan kesenian Kedah. Pada tahun 1995, di USM, barulah saya betul-betul berjinak-jinak dalam kesenian makyung apabila Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamed Ghouse Nasuruddin menggalakkan saya untuk membuat persembahan dengan kumpulan makyung USM. walaupun saya belajar dalam bidang seni bina, pada masa lapang, saya menghadiri latihan makyung bersama-sama Dr. Ghouse dan Che' Mat Jusoh. Sejak itu, saya terus aktif dalam program anjuran pusat tersebut, terutama persembahan makyung.

Jika melihat salasilah keluarga saya, nenek dan datuk saya merupakan penggiat seni makyung Kedah pada suatu ketika dahulu. Setelah mereka meninggal dunia, tiada sesiapa yang mewarisi jiwa kesenian tersebut. Peluang untuk belajar kesenian makyung di USM merupakan tuah bagi saya bagi meneruskan legasi peninggalan arwah nenek dan datuk saya.

Tentang perkembangan terkini makyung di Malaysia.

Perkembangan makyung di negara kita ada turun naiknya. Pada tahun 1970-an, makyung ditayangkan di televisyen. Pada ketika itu, seni tradisional, seperti bangsawan dan makyung, berada pada zaman kemuncaknya, namun kini tidak lagi. Seni tradisional semakin ditenggelami arus kemodenan, termasuk seni budaya asing dari negara luar.

Kewujudan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) mengubah landskap

kesenian tradisional agar terus terbela. ASWARA menawarkan pengajian seni tradisional dan memanggil tokoh, seperti Khatijah Awang, untuk mengajarkan makyung kepada pelajar. Maka makyung menjadi terkenal semula dan mula diangkat dalam media arus perdana. Sejak tahun 2005, makyung diiktiraf sebagai warisan dunia oleh UNESCO dan membuka mata masyarakat tentang keunikan seni tradisional ini. Pada masa itu, banyak pusat kebudayaan dan kesenian serta pusat pengajian menawarkan kursus persembahan makyung kepada orang awam.

Akan tetapi, minat terhadap seni tradisional ini seakan-akan bermusim. Kini makyung menjadi sepi semula mungkin kerana aktiviti yang semakin berkurangan dan tidak konsisten. Namun demikian, bagi saya, hasrat untuk melahirkan bakat muda dalam seni persembahan makyung telah tercapai. Hal ini berlaku kerana pengajian makyung banyak ditawarkan di institusi pengajian tinggi dan secara tidak langsung, memberikan pendedahan kepada generasi muda tentang seni ini.

Tentang perbezaan antara makyung dengan pakyung.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak orang keliru

dengan perkataan makyung dan *pakyung*. Mereka beranggapan bahawa makyung bermaksud penggiat perempuan dan *pakyung* penggiat lelaki. Sebenarnya, makyung ialah nama umum bagi seni persembahan tersebut. Dalam persembahan makyung, ada gelaran kepada watak utama yang disebut *pakyung*, iaitu watak raja. Walaupun watak *pakyung* dipegang oleh perempuan, yang berlakon sebagai raja, dia tetap digelar *pakyung*. Dalam persembahan makyung juga, terdapat gelaran yang disebut makyung, iaitu watak permaisuri.

Tentang perjalanan Rosnan dalam dunia makyung sebelum diiktiraf sebagai pakyung lelaki pertama di Malaysia.

Jika kita lihat mana-mana bahan bacaan sebelum ini, kebanyakannya menyatakan bahawa watak utama dalam persembahan makyung, atau yang dikenali sebagai *pakyung*, dipegang oleh wanita. Sukar untuk kita mendapatkan tulisan yang menyatakan watak *pakyung* dipegang oleh lelaki. Saya sendiri pun tidak memegang watak *pakyung* pada awal pelibatan saya dalam persembahan makyung. Saya hanya memegang watak sampingan. Pada masa yang sama, saya menyimpan

hasrat dan impian untuk menjadi watak utama dalam persembahan makyung. Saya menyimpan impian tersebut sehingga saya mula berkhidmat sebagai pegawai kebudayaan di Istana Budaya pada tahun 2001. Pada ketika itulah, saya berasa bahawa ini peluang saya untuk meneruskan pembelajaran dalam persembahan seni makyung dengan lebih mendalam.

Saya berbisik dalam hati untuk memegang watak utama dalam persembahan makyung. Saya menyatakan hasrat tersebut kepada Fatimah Abdullah, guru latihan makyung di Istana Budaya pada ketika itu. Beliau amat teruja dan bersetuju untuk memberikan tunjuk ajar kepada saya untuk menjadi *pakyung*. Pada tahun 2006, persembahan makyung *Dewa Indera, Indera Dewa* diadakan di Istana Budaya dan saya memberanikan diri untuk memegang watak utama setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Istana Budaya pada ketika itu. Sejak itulah, saya mula bertapak menjadi *pakyung* pertama di Malaysia bagi generasi baharu.



Jenis makyung yang dibawa dalam persembahan.

Saya mempelajari makyung Kelantan dan turut membuat persembahan berdasarkan apa-apa yang saya pelajari. Makyung Kelantan dan makyung Patani sama. Perbezaannya hanyalah sistem persembahan dan struktur kostumnya. Bahasa percakapan dan permainannya pun sama.

Bagi makyung Kedah pula, seni tradisional ini telah wujud lebih lama dan mempunyai pengaruh daripada mek mulung. Artifak yang dijumpai di Kuala Nerang menunjukkan bahawa makyung Kedah juga dibawa oleh orang Patani yang berhijrah ke Kedah. Walau bagaimanapun, makyung Kedah ini sudah lama pupus dan tiada pelapis. Oleh itu, tidak banyak maklumat mengenainya, melainkan hanya cerita lisan daripada generasi terdahulu.

Tentang tempoh untuk menguasai seni persembahan makyung.

Pada zaman dahulu, untuk menguasai tari makyung mengambil masa yang lama. Kaedah pembelajarannya lebih konvensional, seperti belajar menari dan bernyanyi satu per satu. Kini kaedah pembelajarannya sudah berbeza. Saya mengambil masa setahun untuk menjadi penggiat seni makyung secara profesional kerana wujudnya kemudahan teknologi dan kita boleh mempelajarinya dengan lebih mudah dan cepat. Antaranya termasuklah dengan merujuk rakaman video latihan untuk memperbaiki kelemahan. Kini kita lebih mudah untuk mendapatkan rakaman lagu makyung di YouTube dan berupaya untuk membuat latihan secara sendiri di rumah.

Tentang pembimbing makyung.

Saya mendapat galakan dalam kesenian makyung ini daripada mentor saya, Fatimah Abdullah. Saya berguru dengannya daripada asas, bermula dengan tatacara bercakap, pergerakan, lakonan, lontaran dialog sehingga nyanyian. Gaya lakonan dan nyanyian saya dipengaruhi oleh corak persembahan Fatimah.

Tentang cabaran utama yang perlu dihadapi.

Cabaran yang paling besar yang perlu dihadapi ialah melahirkan pelapis. Hal ini memang sukar kerana generasi muda terdedah kepada pelbagai bentuk hiburan dari luar. Oleh itu, makyung perlu bersaing dengan trend sekarang, seperti K-POP. Generasi muda kini tidak lagi minat akan perkara yang berbentuk tradisional dan tiada elemen komersial. Yang membimbangkan saya ialah jika sesuatu perkara itu dikomersialkan, maka akan hilang nilai dan identitinya.

Namun begitu, mahu atau tidak mahu, kita perlu juga menyuntik sedikit elemen komersial dalam seni persembahan makyung untuk menarik minat generasi muda. ASWARA sememangnya telah melahirkan banyak pelapis dalam makyung. Mereka diberi ilmu dan pendedahan yang cukup tentang makyung. Meskipun demikian, hal ini berbalik kepada individu tersebut, sama ada mahu meneruskan minatnya dalam kesenian tradisional ataupun tidak.

Tentang makyung yang mempunyai kaitan dengan identiti kita.

Masalah utama diri kita ialah untuk tidak menjadi diri kita yang sebenarnya. Kita sering terikut-ikut



dengan budaya luar. Dalam konteks ini, kita perlu melihat semula jati diri kita melalui seni budaya yang kita miliki. Pada peringkat sekolah rendah, misalnya, murid tidak didedahkan kepada adat dan seni budaya kita. Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, dan sudah tentu negara kita ini kaya dengan budaya. Generasi muda ini sepatutnya diberi pendedahan tentang adat dan budaya, seperti cara masakan dan adat istiadat Melayu, Cina dan India. Kekurangan pendedahan mengenainya menyebabkan apresiasi terhadap seni budaya itu semakin berkurang.

Masyarakat kita lebih cenderung dan minat akan budaya popular, dan bukannya budaya tradisi. Oleh itu, mereka tidak minat dan tidak mahu terlibat dalam hal seni budaya tradisional. Saya berpendapat bahawa perlu ada mata pelajaran khusus tentang adat dan budaya Malaysia di sekolah rendah dan menengah. Kita tidak mahu menjadi seperti sesetengah negara yang rakyatnya bukan sahaja tidak tahu tentang asal usul mereka, malah tidak tahu bercakap dalam bahasa ibunda mereka. Inilah yang sebenarnya berlaku kepada makyung. Jika imej seni tradisional ini tidak wujud di negara sendiri, seni tersebut akan menjadi seperti "makhluk asing" di negara asalnya. Korea Selatan mempunyai



institusi khas yang dinamai Korean Image Institute, yang berperanan untuk memperkenalkan imej dan identitinya kepada dunia. Rakyat Korea Selatan mengangkat negara mereka ke peringkat global melalui budaya.

Sebagai penggiat makyung, saya berhasrat agar aktiviti ini terus diadakan secara meluas dan konsisten supaya masyarakat tahu bahawa kesenian ini masih wujud. Sebagai pegawai kebudayaan, kami mempunyai kekhawatiran dari segi kewangan dan tenaga kerja. Di samping itu, kami juga berhadapan dengan cabaran untuk menarik minat masyarakat kerana perlu bersaing dengan budaya luar yang semakin menular di tanah air kita ini.

Tentang penerimaan masyarakat luar negara terhadap makyung.

Ketika saya menerima undangan untuk membuat persembahan makyung di luar negara, saya bukan sahaja membawa nama Malaysia, bahkan menjadi duta budaya di sana. Apabila saya dipilih untuk membawa makyung ke negara luar, saya tertanya sama ada mereka faham dan boleh menerima kesenian kita ataupun tidak. Sepanjang pengalaman saya membuat persembahan makyung

di luar negara, sambutannya sangat luar biasa. Penerimaannya lebih hebat berbanding dengan negara kita.

Orang luar beranggapan bahawa budaya Asia, terutama Asia Tenggara, mempunyai keunikannya yang tersendiri, malah sangat disukai oleh orang Barat. Tidak hairanlah jika banyak pengkaji budaya di negara kita berasal dari Barat. Di New York, saya menerima undangan untuk membuat persembahan di bangunan Pertubuhan Bangsa Bersatu. Makyung satu-satunya seni tradisional yang diberi penghormatan untuk membuat persembahan di bangunan tersebut.

Oleh itu, kita perlu sedar bahawa kita sebenarnya mempunyai khazanah warisan yang sangat tinggi nilainya. Amat menyedihkan jika warisan ini langsung tidak kita hargai kerana inilah satu-satunya khazanah yang kita warisi, yang tidak ada pada orang lain. Apresiasi ini boleh dipupuk jika diberi pendidikan yang secukupnya tentang budaya pada peringkat bawah.

Tentang harapan dan impian terhadap kesenian tradisional tanah air.

Saya selalu mengimpikan kewujudan satu "panggung

tradisional" di negara kita, khas untuk mementaskan makyung dan kesenian lain. Kewujudan panggung khas ini pasti akan membuka peluang kepada generasi muda untuk mengenali seni tradisional dengan lebih dekat. Setakat hari ini, kita hanya mampu untuk bercakap dan bercerita secara lisan tentang seni tradisional, tetapi tidak mampu untuk memberikan gambaran visual. Bahan bacaan mengenai makyung juga tidak banyak dan sukar untuk didapati. Kewujudan panggung khas yang berjadual dan sistematis pasti akan memberikan kesan yang baik kepada masyarakat, terutama pelajar yang mengambil jurusan kebudayaan dan kesenian. Mereka akan mudah untuk menyaksikan persembahan secara langsung di panggung tersebut untuk dijadikan sebagai bahan rujukan dalam pengajian mereka.

Saya berharap agar generasi muda lebih mendekati diri dengan makyung dan seterusnya menjadi pelapis, terutama sebagai *pakyung*. Kita memang tiada pelapis untuk membawakan watak utama dalam persembahan makyung. Untuk memupuk minat bagi pelajar jurusan seni ini terlibat dalam makyung memang tiada masalah kerana mereka sudah ada kecenderungan dalam bidang ini. Mungkin kerana tiada pendedahan atau platform yang sesuai, mereka semakin melupakan dan mengabaikan minat mereka itu. Kini ASWARA telah mewujudkan pusat kesenian tradisional yang dikenali sebagai PUTRA. PUTRA menjadi laluan yang bagus untuk melahirkan pelapis dan menjadi platform bagi mereka untuk menonjolkan bakat, sekaligus melibatkan diri dalam industri seni. ⁰⁸